



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 29 OGOS 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	BANTUAN RM600,000 UNTUK PENTERNAK IKAN TERJEJAS BANJIR, LOKAL, HM -18	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	21 PENTERNAK IKAN AIR TAWAR TERJEJAS BANJIR TERIMA BANTUAN, NEGERI SEMBILAN, SH -33	
3.	JUALAN PASAR TANI SUNGAI PETANI CECAH RM3.5 JUTA, NEGERI, SH -36	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
4.	RM965,000 BAIK PULIH, BINA BAHARU RUMAH NELAYAN DI MELAKA, NEGERI, SH-33	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
5.	RM965,000 BAIK PULIH, BINA RUMAH NELAYAN, NASIONAL, BH -7	
6.	MALAYSIA PERLU SASARAN BAHARU MAJUKAN SEKTOR PERTANIAN, SEKURITI MAKANAN, RENCANA, BH -12	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Bantuan RM600,000 untuk penternak ikan terjejas banjir

Jejebus: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) menyalurkan bantuan an banjir dan Sistem Penyampaian Khidmat Sokongan (SPEKS) berjumlah RM600,000 kepada 21 penternak ikan air tawar dan nelayan darat di daerah ini yang terjejas akibat banjir pada Disember tahun lalu.

Pengarah Perikanan Negeri Sembilan Kasim Tawe berkata penerima bantuan mendapat peralatan antaranya kincir angin, pam air, jaring menangan-

kap ikan dan udang galah, makanan ikan, beuh ikan serta enjin bot.

Katanya, bantuan itu diharapkan dapat membangkitkan semula semangat penternak yang terjejas teruk akibat banjir terbabit.

"Mafi akan sentiasa membantu mereka yang sebelum ini mengalami kesan teruk akibat banjir dan berharap mereka tidak berputus asa meneruskan projek mereka akuakultur demi sekuriti makanan negara.

"Kita juga berharap hasil pengeluaran ikan dan

Sebelum ini
mendapat bantuan
bernilai: RM568,757



KASIM (dua dari kanan) menyerahkan bantuan peralatan kepada penternak ikan air tawar yang terjejas akibat banjir Disember tahun lalu. - Gambar NSTP/ABNOR HAMIZAM ABD.MANAP

udang galah dapat dipertingkatkan semula seperti mana yang pernah dihasilkan sebelum kejadian banjir berlaku," katanya pada majlis penyerahan bantuan di Pejabat Perikanan Daerah Jebeu di sini, kelmarin.

Mengikuti rekod, seramai 32 penternak di daerah ini berdepan kerugian berjumlah RM10.5 juta akibat banjir yang memusnahkan kolam ternakan serta peralatan dan makanan ikan.

Sebelum ini, penternak dari daerah ini turut menerima bantuan Mafi apabila RM568,757 disalurkan kepada mereka yang terjejas.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/8/2022	SINAR HARIAN	NEGERI SEMBILAN	33

21 penternak ikan air tawar terjejas banjir terima bantuan

JELEBU - Seramai 21 penternak ikan air tawar termasuk seorang nelayan darat di Jelebu yang terjejas akibat banjir pada Disember tahun lalu menerima bantuan dan Sistem Penyampaian Khidmat Sokongan (SPeKS) berjumlah RM600,000 daripada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Pengarah Perikanan Negeri Sembilan, Kasim

Tawe berkata, mereka menerima bantuan peralatan, antaranya kincir angin, pam air, jaring tangkap ikan dan udang galah, makanan ikan serta benih ikan.

“Harapan kami agar mereka tidak berputus asa meneruskan projek akuakultur dan dapat meningkatkan semula hasil pengeluaran ikan dan udang galah,” katanya dalam satu kenyataan pada Sabtu.

FOTO: PEJABAT PERIKANAN NEGERI SEMBILAN



Kasim (dua dari kiri) menyerahkan bantuan kepada salah seorang penternak di Pejabat Perikanan Daerah Jelebu pada Sabtu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/8/2022	SINAR HARIAN	NEGERI KEDAH	36

Jualan Pasar Tani Sungai Petani cecah RM3.5 juta

SUNGAI PETANI - Pasar Tani Sungai Petani anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mencatatkan nilai jualan sebanyak RM3.5 juta iaitu yang tertinggi berbanding 15 lokasi seluruh Kedah sehingga Julai lalu.

Pengarah Fama Kedah, Isa Hamzah berkata, Pasar Tani Sungai Petani yang ditubuhkan pada tahun 1985 beroperasi setiap Ahad mempunyai 76 usahawan antara pasar tani terbaik di negeri itu.

Menurutnya, mengikut rekod, pasar tani di Kedah mencatatkan nilai jualan sebanyak RM11.5 juta bagi tempoh Januari hingga Julai 2022 di kesemua 16 lokasi membabitkan 857 usahawan.

"Pasar Tani Sungai Petani adalah yang terbaik daripada 16 pasar tani di Kedah iaitu nilai jualan yang dicapai sehingga Julai adalah tertinggi iaitu sebanyak RM3.5 juta," katanya.

Beliau berkata demikian ketika hadir ke Program Jualan Merdeka sempena Sambutan Kemerdekaan ke-65 di Pasar Tani Sungai Petani pada Ahad.

Hadir sama, Penaung Persatuan Kebajikan Peserta Pasar Tani Daerah Kuala Muda, Datuk Shahanim Mohamad Yusoff.

Menurut Isa, Jualan Merdeka sempena Sambutan Kemerdekaan berkonsepkan pasar pilihan rakyat menawarkan pengurangan harga produk pertanian dan bukan pertanian antara lima hingga 20 peratus berbanding harga pasaran.

Sementara itu, Shahanim yang menjadi penaung pasar tersebut sejak 17 tahun lalu berharap agar Pasar Tani Sungai Petani yang terletak berdekatan stesen teksi dikekalkan dan dinaik taraf untuk ke-selesaan orang ramai.



Shahanim (dua dari kanan) meninjau jualan peserta Pasar Tani Sungai Petani sempena Program Jualan Merdeka pada Ahad.

RM965,000 baik pulih, bina baharu rumah nelayan di Melaka

JASIN - Sebanyak RM965,000 disalurkan kerajaan menerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di bawah Projek Khas Perumahan Nelayan (PKPN) bagi bantuan baik pulih dan bina baharu rumah nelayan di Melaka pada tahun ini.

Timbalan Menteri Pertanian

dan Industri Makanan (MAFI) I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, peruntukan itu meliputi 57 rumah dibaik pulih dan lima lagi rumah dibina baharu yang telah siap sepenuhnya.

"PKPN ini merupakan bantuan diberikan kepada nelayan berpendapatan rendah dan dalam

memastikan nelayan serta keluarga terlibat dapat menikmati kualiti hidup lebih baik dan selesa.

"Kos maksimum adalah RM13,000 bagi setiap komponen baik pulih rumah nelayan dan RM56,000 bagi komponen bina baharu rumah nelayan dengan pelaksanaan dilakukan secara gotong-royong melibatkan golongan sasaran dan secara lantikan kontraktor," katanya kepada pemberita di Jeti Nelayan Kuala Sebatu di sini pada Ahad.

Hadir sama, Ketua Pengarah LKIM, Yusoff Othman dan Pengarah LKIM negeri, Adib Syazwan Mohamad Hassan.

Pada majlis itu, Ahmad turut menyampaikan bantuan satu unit *winch* melibatkan peruntukan RM50,000 untuk kegunaan komuniti nelayan Sebatu dan satu enjin sangkut melalui peruntukan RM10,000.

Ahmad sebelum itu turut menyempurnakan penyerahan empat bantuan baik pulih dan bina baharu rumah nelayan di Kampung Seri Minyak, Pulau, Kampung Tersusun Sungai Rambai dan Sebatu. - *Bernama*

FOTO: BERNAMA



Ahmad (tiga dari kiri) menyerahkan bantuan enjin sangkut bernilai RM10,000 kepada salah seorang nelayan di Jeti Nelayan Kuala Sebatu, Jasin pada Ahad.

RM965,000 baik pulih, bina rumah nelayan

Jasin: Kerajaan menerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) menyalurkan RM965,000 di bawah Projek Khas Perumahan Nelayan (PKPN) bagi bantuan baik pulih dan bina baharu rumah nelayan di Melaka tahun ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata ia membabitkan peruntukan untuk baik pulih 57 rumah, manakala lima lagi rumah dibina baharu dengan semuanya sudah pun siap sepenuhnya.

Katanya, lima rumah dibina baharu itu membabitkan kos RM45,000 setiap satu, manakala untuk baik pulih membabitkan perbelanjaan antara RM10,000 hingga RM20,000 setiap satu.

"PKPN ini adalah bantuan yang diberikan kepada nelayan berpendapatan rendah dan dalam memastikan nelayan serta keluarga terbabit dapat menikmati kualiti hidup lebih baik dan selesa.

"Kos maksimum adalah RM13,000 bagi setiap komponen baik pulih rumah nelayan dan RM56,000 bagi komponen bina baharu rumah dengan pelaksanaan dilakukan secara gotong-royong membabitkan golongan sasaran dan secara lantikan kontraktor," katanya selepas menyerahkan sumbangan rumah baharu menerusi PKPN dan enjin sangkut kepada nelayan di sekitar Parlimen Jasin, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah LKIM, Yusoff Othman dan Pengarah LKIM negeri, Adib Syazwan Mohamad Hassan.

Malaysia perlu sasaran baharu majukan sektor pertanian, sekuriti makanan

• Sekuriti makanan mesti diwujudkan untuk menjamin ketersediaan, mampu beli dan zat kepada penduduk

• Inovasi dihasilkan patut mesra iklim supaya berdaya tahan mendepani perubahan cuaca di samping memulihara sumber alam



Oleh Datin Paduka Dr Fatimah
Mohamed Arshad
bhrencana@bh.com.my

Campuran tanaman dicatitkan penjahaj pada kurun ke-19 membentuk trajektori atau sasaran sektor makanan negara hingga kini iaitu, penjahaj menjadikan Malaysia pembekal bahan mentah untuk membantu agenda perindustrian mereka, tetapi tidak membangunkan industri makanan tempatan.

Mereka berjaya menjadikan Malaysia pada suatu ketika sebagai negara penguat getah terbesar di dunia pada 1970-an dan kelapa sawit terbesar sehingga 2008.

Bahan mentah ini membantu bukan saja kepada industri berat seperti automobil, penerbangan tetapi juga makanan, pengangkutan (biofuel), kecantikan dan kesihatan.

Semua ini dilaksanakan melalui ekstraksi atau menggembungkan tanah sepenuhnya dengan menjadikan sama ada getah atau kelapa sawit sebagai tanaman tunggal.

Demi menenangkan orang Melayu pula, penjahaj membiarkan mereka meneruskan aktiviti warisan sebagai pesawah atau ke laut sebagai nelayan untuk menyara kehidupan tanpa sebarang sokongan. Dasar ini mewujudkan pemisah dalam sektor pertanian, iaitu sektor tanaman industri dan makanan. Terpisah bukan setakat jenis tanaman, tetapi dari segi keuntungan dan pertumbuhan.

Tanaman industri diberi sokongan besar seperti kawasan tanaman luas, sokongan institusi sehingga mencapai nilai tambah tinggi dan menggunakan tanah luas. Ini berbeza dengan tanaman makanan menunjukkan prestasi lemah.

Wujud pemisah dalam subsektor itu sendiri iaitu antara estet merangkumi 77.7 peratus kawasan dan pekebun kecil (22.3 peratus) bagi tanaman kelapa sawit dan sebahagian besar pengusaha tanaman makanan adalah pekebun kecil.

Import buruh luar

Model estet diperkenalkan memaksa penjahaj mengimport buruh dari luar negara untuk melaksanakan pelbagai kegiatan pengeluaran yang memerlukan kudrat seperti menuai, membaja dan mengangkut. Legasi kebergantungan buruh import ini diwarisi sehingga hari ini.

Pada 1990, keluasan tanaman industri daripada tanah pertanian adalah 81.3 peratus dan sumbangan nilai tambah adalah 57.9 peratus. Sebaliknya, keluasan tanah komoditi makanan adalah 17.9 peratus dengan nilai tambah 24 peratus. Menjelang 2020, keluasan tanah tanaman industri meningkat kepada 89.3 peratus, tetapi keluasan nilai tambah tidak berubah.

Sebaliknya bahagian nilai tambah tanaman makanan bertambah empat kali ganda atau 42.4 peratus daripada bahagian keluasan tanah. Data ini menunjukkan produktiviti dan inovasi dalam sektor tanaman industri terutama kelapa sawit tidak banyak berubah.

Namun, tanaman makanan menunjukkan nilai tambah tinggi produktiviti dan nilai komersial meningkat. Walaupun nisbah tanah dan nilai tambah ke atas komoditi makanan menunjukkan penambahan,

ia tidak mencukupi untuk melindungi negara daripada cengkaman inflasi dan kos kehidupan tinggi kerana pengeluaran tidak mencukupi. Campuran komoditi berat sebelah ditokok kegagalan dasar kerajaan bagi merancakkan sektor makanan menyebabkan sektor ini rapuh apabila dilanda krisis makanan.

Inflasi meningkat ketara pada paras 3.6 peratus pada Jun lalu dan indeks makanan naik 6.1 peratus, penyumbang utama inflasi. Inflasi ini diimport kerana Malaysia bukan sahaja pengimport bersih makanan, malah hampir semua input pertanian terutama baja.

Tak mampu beli makanan

Krisis ini membawa derita besar kepada 60 peratus penduduk negara iaitu B40 (20 peratus), manakala M40 beralih kepada B40. Kelompok ini mengalami penurunan pendapatan sebenar dan ketidakmampuan membeli makanan.

Iaitu berlaku masalah sekuriti makanan yang serius dari segi nutrisi dan kemiskinan terag kepada 695,000 penduduk. Kajian Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) 2020 menunjukkan penduduk miskin bandar tidak mampu membeli sayur dan buah-buahan segar, daging dan ikan.

Sebaliknya mereka hanya mampu membeli mi segera dan telur sebagai makanan harian. Kajian ini juga mendapati satu bagi setiap lima orang kanak-kanak mengalami bantut dan seorang dalam 10 orang kurang berat badan ideal.

Jika perkiraan ini berterusan, besar kemungkinan situasi sama akan berulang jika tidak menuh. Ini kerana faktor mewarnai landskap sektor ini kian kompleks dan saling berinteraksi.

Makanan perlu diutamakan melalui sokongan institusi lebih besar untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran

Perubahan cuaca bukan lagi igauan, tetapi muncul sebagai penentu utama pengeluaran. Ketidaktentuan menjadi norma pasaran lebih kerap terutama apabila penawaran dipengaruhi cuaca.

Begitu juga bantuan kewangan ke atas komoditi dengan pelbagai instrumen canggih kian pesat dan aktif. Pada 2008 membuktikan aktiviti spekulator menyebabkan ketidakpastian ekstrim menjadikan pengeluaran dan pengguna sebagai mangsa keadaan.

Naratif di atas mengundang persoalan wajarkah Malaysia meneruskan dasar sermas selepas krisis makanan mendedahkan kerapuhan sistem yang ada apabila berdepan dengan kejutan?

Mendepani masa hadapan serba kompleks, Malaysia perlu mewujudkan trajektori baharu untuk sektor pertanian. Ketiga-tiga tanaman industri akan berakhir.

Tanaman kelapa sawit akan mencapai tahap tepu kawasan pada 2023, kawasan getah asli kian menurun dan koko hampir pupus. Maka satu kitaran baharu perlu diwujudkan. Ia adalah tanaman sektor hilitan yang berfokus kepada pengeluaran memberi nilai tambah lebih tinggi daripada apa dicapai ketika ini.

Tanaman industri ini memiliki masa depan sangat cerah kerana potensi nilai tambah padanya sangat besar. Kedua, makanan perlu diutamakan melalui sokongan institusi lebih besar untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran.

Ini kerana sekuriti makanan perlu diwujudkan untuk menjamin ketersediaan, mampu beli dan zat kepada penduduk. Pengalaman di Belanda dan Israel menunjukkan sektor makanan tidak memerlukan tanah luas tetapi teknologi termaju untuk meningkatkan kualiti benih, baka, produktiviti, kecekapan dan pengeluaran input tempatan.

Inovasi pembangunan kali ini adalah pengeluaran mesra agroekologi atau pertanian mesra iklim supaya berdaya tahan mendepani perubahan cuaca disamping memulihara sumber alam.

